

**KAJIAN PERANAN SKIM RONDAAN  
SUKARELA (SRS) DALAM MENCEGAH JENAYAH DI  
BANDAR**

**OLEH**

**PROFESOR DR. FATIMAH DAUD**

**TAJAJAN**

**JABATAN PERPADUAN NEGARA DAN INTEGRASI  
NASIONAL  
JABATAN PERDANA MENTERI**

**2009**

**RINGKASAN EKSEKUTIF**  
**“KAJIAN PERANAN SKIM RONDAAN SUKARELA (SRS) DALAM**  
**MENCEGAH JENAYAH DI BANDAR”**

**BIDANG KAJIAN**

Kajian ini ditumpukan kepada 1000 orang anggota Skim Rondaan Sukarela (SRS) di 4 buah negeri iaitu Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Selangor, Johor dan Pulau Pinang. Selain mengkaji peranan SRS dalam mencegah jenayah di bandar, kajian ini juga meliputi penglibatan dan penyertaan pelbagai golongan masyarakat dan etnik. Selain itu, kajian ini juga tertumpu kepada jenis-jenis insentif, elaun, pelepasan bekerja, peraturan serta fungsi SRS. Aspek-aspek seperti masa yang sesuai untuk meronda dan jenis kelengkapan diri dalam SRS turut dikaji.

**OBJEKTIF KAJIAN**

Kajian ini mempunyai objektif seperti berikut:

- a) Untuk mengkaji peranan Skim Rondaan Sukarela (SRS) dalam mencegah jenayah dan gejala sosial di bandar-bandar besar.
- b) Untuk mengkaji penglibatan dan penyertaan ahli masyarakat dalam SRS iaitu dengan mengkaji penyertaan dan penglibatan etnik, jantina, dan belia dalam SRS. Mengapa tidak ramai kaum bukan Melayu, kaum wanita dan orang-orang muda yang terlibat dalam skim ini?
- c) Untuk mengkaji peraturan-peraturan dan fungsi-fungsi SRS yang ada, sekaligus untuk memberi cadangan bagaimanakah cara untuk memantapkan lagi sistem SRS di Malaysia.

**METODOLOGI**

Untuk memastikan kajian ini mencapai objektif yang dinyatakan, pelbagai metodologi dilakukan iaitu menggunakan kaedah pra uji, kajiselidik (*survey research*), *indepth interview*, pemerhatian secara langsung, pemerhatian dan penyertaan (*participant observation*), perbincangan secara berkelompok (*group discussion*), temubual dengan pemastautin serta perbincangan dengan pegawai polis. Taburan sampel dipilih di mana ia terdiri daripada 1000 orang anggota SRS daripada 4 buah negeri iaitu Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Selangor, Johor dan Pulau Pinang.

## **HASIL KAJIAN**

### **1. Peranan SRS Dalam Mencegah Masalah Jenayah dan Gejala Sosial**

Berdasarkan hasil kajian yang dijalankan, didapati jenayah kecurian dan gejala sosial lepak sering berlaku di kawasan perumahan responden. Tetapi majoriti responden berpendapat bahawa masalah jenayah dan gejala sosial menurun apabila SRS ditubuhkan di kawasan mereka. Ini adalah kerana penjenayah takut untuk melakukan jenayah apabila rondaan dilakukan.

Seterusnya, kajian juga mendapati anggota SRS yang meronda mempunyai ahli kumpulan antara 5 hingga 10 orang. Kebanyakan mereka melakukan rondaan 1 kali seminggu terutama pada malam minggu. Ini adalah kerana ahlinya tidak ramai dan peronda-peronda bekerja pada hari lain dan tidak mendapat 'time off' selepas keesokan harinya. Mereka juga berpendapat bilangan peronda dalam setiap kumpulan adalah mencukupi.

Selain itu, kajian juga mendapati waktu rondaan yang bermula pada pukul 12 tengah malam adalah sesuai tetapi mereka mencadangkan waktu rondaan perlu bermula pukul 10 malam. Hasil kajian ini juga mendapati bahawa kebanyakan responden sering menggunakan motorsikal apabila melakukan rondaan. Seramai 749 (74.9%) orang responden mengatakan tidak pernah menghadapi saat genting atau kecemasan. Tetapi, mereka akan menghubungi polis apabila berada dalam situasi tersebut. Malah, mereka tidak pernah dilantik menjadi saksi sekiranya ada tangkapan dibuat di tempat mereka.

Akhir sekali, hasil kajian juga mendapati bahawa mereka mudah menghubungi pihak polis jika berlaku situasi genting ketika melakukan rondaan. Mereka juga menjawab mempunyai nombor telefon balai polis yang berdekatan untuk dihubungi serta polis bertindak dengan segera jika dihubungi. Malah, masa antara 5 hingga 10 merupakan masa yang diambil oleh polis untuk datang. Namun, sebab yang paling utama polis tidak datang segera adalah kerana kekurangan kakitangan polis.

### **Cadangan**

Hasil dari analisis data dalam bab ini, beberapa cadangan dapat dirumuskan seperti di bawah:

- a) SRS patut menambah ahlinya dengan lebih ramai supaya lebih kerap rondaan dapat dibuat. Dengan rondaan yang kerap, penjenayah tidak dapat mencari 'ruang' untuk mencuri.
- b) Penampalan jadual giliran hendaklah dibuat secara sulit. Ia tidak perlu ditampal sehingga kelihatan oleh penjenayah.
- c) Wanita/Surirumah boleh dilantik untuk menjadi pengintip atau mata-mata gelap ke atas keselamatan penempatan penduduk di waktu siang hari.
- d) Selain itu juga, pihak yang berkenaan perlu membuat publisiti secara besar-besaran kepada penduduk setempat tentang institusi SRS, objektif SRS, bentuk-bentuk operasi SRS dan sebagainya. Hasil kajian menunjukkan bahawa 70 daripada 100 orang pemastautin yang ditemuduga tidak mengetahui objektif SRS. Justeru, melalui program hari terbuka SRS serta pameran di kawasan penempatan hendaklah dilakukan untuk menarik lebih ramai penduduk terutama belia untuk menyertai SRS. Publisiti juga perlu dilakukan melalui media massa oleh kakitangan JPNIN.

## **2. Penyertaan/Penglibatan Wanita, Belia Dan Pelbagai Etnik Dalam SRS**

Hasil kajian menunjukkan bahawa kebanyakan anggota SRS adalah terdiri daripada bangsa Melayu dan beragama Islam. Majoriti umur mereka pula di antara 41 hingga 45 tahun. Hasil kajian juga menunjukkan kebanyakan anggota SRS adalah terdiri daripada lelaki berbanding wanita. Bilangan belia pula berkurangan.

Di samping itu, bilangan anggota SRS yang berasal dari Johor mencatatkan bilangan responden yang paling ramai ditemui kerana negeri tersebut merupakan salah satu negeri yang respondennya dipilih untuk membuat kajian ini. Malah, kebanyakan responden bekerja di sektor swasta. Majoriti anggota SRS mempunyai tahap kelulusan paling tinggi di kalangan mereka iaitu SPM. Tetapi, ada juga anggota SRS mempunyai kelulusan peringkat diploma/ijazah.

Selain itu, hasil kajian juga menunjukkan golongan wanita boleh terlibat dalam SRS dengan menyediakan makanan kepada ahli SRS yang bertugas. Mereka bersetuju jika kaum wanita dilantik menjadi ahli SRS untuk meronda pada waktu siang hari. Tetapi, seramai 846 (84.6%) orang responden menjawab wanita tidak sesuai untuk meronda pada waktu malam.

## **Cadangan**

Berdasarkan analisis data bab ini, cadangan dapat dirumuskan seperti di bawah:

- a) Kempen menggalakkan wanita menyertai SRS perlu dilakukan secara besar-besaran. Ramai wanita ingin menjadi ahli SRS jika suami mereka memberi keizinan. Isteri dan suami boleh sama-sama meronda. Tetapi wanita perlu mendapat latihan mempertahankan diri sebelum menjadi peronda.
- b) Kempen kepada belia perlu diperluaskan. Hasil temubual dengan belia, ramai yang memberitahu mereka tidak tahu mengenai SRS. Mereka tidak diajak menyertai SRS. Malah, mereka ingin menyertainya jika diberi peluang.

### **3. Peraturan dan Fungsi SRS**

Hasil kajian mendapati bahawa sebilangan besar responden telah lama menjadi ahli SRS iaitu selama lebih dari 12 bulan. Malah, mereka menyertai SRS melalui ahli jawatankuasa RT. Selain itu, mereka menerima kad kenal diri menjadi ahli SRS lebih dari 4 minggu. Seramai 750 (75.0%) responden mengatakan bahawa mereka melakukan rondaan selepas mendapat kad tersebut.

Sebilangan besar responden mengatakan bahawa mereka mengetahui kewujudan SRS melalui ahli jawatankuasa RT di tempat mereka sebelum mereka menjadi ahli. Ini menyebabkan mereka berminat untuk menjadi ahli secara sukarela setelah mereka diberi taklimat daripada pengerusi RT mengenai fungsi SRS.

Di samping itu, sebahagian besar responden dalam kajian ini faham objektif SRS iaitu menjaga keselamatan dan ketenteraman awam. Majoriti juga berpendapat SRS berjaya mencegah masalah jenayah setelah ia ditubuhkan. Ini menunjukkan SRS mempunyai peranan penting untuk menjaga keselamatan awam. SRS juga telah menunjukkan peranan penting dalam menangani gejala sosial di kawasan setempat.

Hasil kajian juga menunjukkan sebilangan besar responden tidak pernah mengikuti kursus/latihan SRS malah tidak pernah mengikuti kursus/latihan sejak menjadi ahli SRS. Namun, hanya 418 orang responden atau 41.8% mengatakan bahawa mereka pernah mengikuti kursus pengendalian SRS berbanding kursus asas risikan, perbarisan (kawad kaki dan lain-lain) dan pertahanan diri (silat, taekwando dan lain-lain).

Dari aspek peralatan pula, hanya peralatan seperti rotan dan lampu suluh banyak disediakan oleh pihak JPNIN kepada responden tetapi sebilangan mereka mengatakan peralatan-peralatan yang disediakan masih tidak mencukupi serta mereka mencadangkan peralatan seperti walkie-talkie ditambah.

Data yang diperolehi juga menunjukkan bahawa ramai responden iaitu 890 (89.0%) orang mengatakan mereka diberikan insurans nyawa. Namun begitu, ramai yang bekerja di sektor kerajaan dan swasta tidak diberikan 'time off' keesokan hari selepas melakukan rondaan pada waktu malam. Sebilangan responden juga bersetuju tiada insentif yang menarik yang menyebabkan tidak ramai yang ingin menyertai SRS.

### **Cadangan**

Berdasarkan hasil kajian di bawah ini disertakan cadangan-cadangan:

- a) Hasil kajian menunjukkan lebih 90% responden tidak mengikuti kursus asas risikan, perbarisan dan pertahanan diri. Ini menunjukkan bahawa masih ramai ahli SRS tidak mengikuti kursus-kursus tersebut. Oleh itu, adalah dicadangkan kursus- kursus tersebut hendaklah diberikan kepada semua ahli SRS di seluruh negara selain kursus pengendalian SRS secara drastik.
- b) Hasil kajian juga menunjukkan lebih 20% ahli SRS mendapat 'time off' keesokan hari selepas melakukan rondaan bagi yang bekerja di sektor awam. Manakala, hampir 80% mengatakan tidak mendapat 'time off'. Sementara itu, hanya 9% mendapat 'time off' dan 91% tidak mendapat 'time off' bagi yang bekerja di sektor swasta. Malah, hanya sebahagian diberi 'time off' pada waktu pagi. Oleh itu, salah satu cara untuk menarik orang ramai menyertai SRS adalah memperkenalkan 'time off' kepada majikan swasta.
- c) Menambahkan peralatan seperti yang dicadangkan iaitu:
  - i) Walkie-talkie
  - ii) Peti kecemasan (First aid)
  - iii) Pondok kawalan/Bilik gerakan
  - iv) Baju hujan
- d) Mempercepatkan proses kelulusan penubuhan SRS
- e) Menambah syif kepada pukul 10 malam hingga 2 pagi selain pukul 12 tengah malam.

- f) Pihak JPNIN dan pengerusi RT perlu memberi taklimat mengenai objektif SRS dan kaedah rondaan kepada setiap ahli baru supaya mereka faham. Ini adalah penting supaya mereka dapat mencapai objektif SRS seterusnya dapat menikmati suasana aman di kawasan tempat tinggal mereka.
- g) RM5000 setahun dikhaskan kepada SRS sahaja tidak termasuk dalam peruntukan RT. Ia penting untuk insentif meronda seperti perbelanjaan untuk makanan ringan semasa meronda, misalnya untuk membeli biskut, roti, kopi serta perbelanjaan lain. Ia juga penting untuk pengurusan dan pentadbiran SRS seperti mengadakan publisiti dan pameran untuk menarik lebih ramai ahli.

## **KESIMPULAN**

Kesimpulannya, penubuhan SRS di kawasan perumahan penduduk mampu milik di bandar-bandar amatlah tepat dan patut diberi pujian. Malah hasil dari kajian menunjukkan bahawa dengan penubuhan SRS masalah jenayah telah menurun yang membuktikan bahawa SRS dapat mencegah jenayah di bandar. Sistem SRS lebih berkesan dibandingkan dengan syarikat keselamatan yang dipraktiskan di kawasan perumahan kelas pertengahan dan atasan. Ini disebabkan SRS lebih 'jujur' kerana mereka menjaga rumah sendiri dan rumah jiran-jiran mereka. Hasil temuduga dengan beberapa penghuni rumah flat di Johor dan Selangor juga mendapati jawapan yang sama diberikan iaitu masalah jenayah dan gejala sosial menurun apabila SRS ditubuhkan. Kajian ini juga mencadangkan:

- a) SRS perlu diperluaskan di seluruh negara supaya lebih ramai ahli masyarakat dapat menyertai SRS. SRS adalah mata telinga kepada situasi keamanan rakyat sekaligus SRS telah berjaya menepati objektif penubuhannya untuk menjaga keamanan masyarakat.
- b) Seterusnya, adalah dicadangkan supaya diadakan pertandingan rondaan yang paling aktif di peringkat daerah dan negeri. Ini bertujuan untuk menggalakkan anggota SRS berkhidmat dengan cemerlang. Pertandingan ini hendaklah dibuat di peringkat negeri seterusnya peringkat kebangsaan.
- c) Setiap SRS di peringkat daerah perlu menghantar laporan bilangan rondaan yang dibuat setiap bulan dan dihantar ke JPNIN negeri serta dinilai prestasi mereka. Ini secara tidak langsung menarik kumpulan SRS yang langsung tidak membuat rondaan atau jarang membuat rondaan misalnya 1 kali seminggu dapat dikesan dengan mudah. Seterusnya mereka diberi nasihat supaya meronda dengan lebih kerap. Hasil kajian menunjukkan ahli

jawatankuasa RT membuat rondaan setiap malam walaupun mereka mempunyai kurang ahli. Komitmen sebegini perlu diberi pujian.

- d) Kumpulan yang berkhidmat dengan cemerlang, jujur dan berdedikasi hendaklah diberikan hadiah serta sijil secara berkumpulan.
- e) Tempoh kursus/latihan SRS seperti kursus pengendalian, asas risikan, perbarisan seperti kawad kaki perlu dipanjangkan. Kajian menunjukkan hanya beberapa negeri sahaja menjalankan kursus pengendalian SRS.
- f) Peralatan-peralatan yang disediakan perlu ditambah seperti mana yang dicadangkan. Kabin/Pondok kawalan/bilik gerakan juga patut disediakan untuk menjadi tempat operasi.
- g) Kajian ini mencadangkan waktu rondaan hendaklah bermula pukul 10 malam hingga pukul 2 pagi.
- h) Mengadakan aktiviti-aktiviti atau program-program yang berbentuk integrasi atau perpaduan antara kaum. Sebagai contohnya, mengadakan kenduri, jamuan atau sukan tahunan yang boleh merapatkan jurang antara kaum tersebut.
- i) Mereka juga menyarankan bahawa pegawai daripada JPNIN turun padang dalam sama-sama bekerjasama dalam melaksanakan satu-satu program. Ini menunjukkan komitmen dan sokongan yang jitu.
- j) Memperluaskan penggunaan radio SRS di seluruh negara. Sistem penggunaan radio ini amat berkesan dan cekap dalam menangkap penjenayah.
- k) Anggota SRS hendaklah diwajibkan mengikuti kursus-kursus latihan mengenai peraturan-peraturan pertahanan diri.
- l) Nama Skim Rondaan Sukarela (SRS) hendaklah ditukar kepada Pasukan Keselamatan Komuniti.
- m) Elaun juga hendaklah diberikan dalam sistem kupon. Bentuk kupon hendaklah dalam bentuk *point card*. Sistem ini banyak dipraktis di negara maju. Kupon boleh ditukar di pasaraya atau mana-mana organisasi yang mempunyai MOU dengan JPNIN. Ia boleh ditukar untuk makanan dan sebagainya.
- n) Di Barat terdapat konsep '*broken windows*' di mana penghuni membiarkan rumah mereka kosong, pintu rosak dan tidak berkunci sehingga memudahkan pencuri masuk. Di Malaysia, terdapat juga konsep '*broken windows*' di mana penghuni meninggalkan rumah untuk bercuti lama seperti cuti hari raya, umrah dan sebagainya bukan sahaja tanpa memberitahu jiran-jiran sebelah malah ada pula pintu belakang tidak dikunci dengan betul dan ada pula jendela yang terlupa ditutup yang memberi



peluang kepada penjenayah memecah masuk ke dalam rumah mereka. Jika setiap penghuni yang ingin meninggalkan rumah mereka dijaga dengan baik supaya penjenayah tidak mudah memecah masuk, maka secara tidak langsung ia dapat mengelakkan bertambahnya jenayah.

## **EXECUTIVE SUMMARY**

### **SCOPE OF THE RESEARCH**

The research focused on 1000 members of Volunteer Patrolling Scheme (VPS) from 4 states i.e. Kuala Lumpur, Selangor, Johore and Penang. The research is to investigate the role of VPS in preventing crime in the city. It is also to examine participation and involvement of various level of community and ethnic group. Besides that, this research also focused on the types of incentive, allowance, time-off, rule and function of VPS. Aspects like suitable time to patrol and equipments provided in VPS have been investigated.

### **OBJECTIVE OF THE RESEARCH**

The objectives are as follows:

- a) To investigate the role of Volunteer Patrolling Scheme (VPS) in preventing crime and social problems in big cities.
- b) To examine participation and involvement of community members in Volunteer Patrolling Scheme (VPS) of different ethnic group, sex, and youth. Why not many non-Malays, women as well as youths to participate in this scheme?
- c) To study rules and functions of Volunteer Patrolling Scheme and make recommendations on how to strengthen this scheme in Malaysia.

### **METHODOLOGY**

In order to achieve research objectives, there are several methodologies conducted. It involved pre-test, survey research, in-dept interview, observation, participant observation, group discussion, interview with respondent as well as discussion with police officers. The sample was chosen consists of 1000 members of Volunteer Patrolling Scheme (VPS) from 4 states; Kuala Lumpur, Selangor, Johore and Penang.

## **THE RESEARCH FINDINGS**

### **1. The Role Of Volunteer Patrolling Scheme In Preventing Crime And Social Problems**

Based on the research findings, theft crime and hanging around always happened at the respondent housing area. But majority respondent said that crime and social problem are low when the VPS was established at their area. This is because the criminal afraid to commit crime when patrolling is done.

The research also has found that members of the VPS have consists of 5 to 10 members. Most of them did patrolling once a week especially at weekend night. This is because they do not have many members and they work during weekdays as well as they do not get time off on the next day. They also said that the number of volunteers are enough for each group.

Besides that, the research found that patrolling time that started on 12 am is suitable but the respondent suggested the right time is 10 pm. They always used motorcycle to patrol. About 749 (74.9%) of the respondents said that they never encounter emergency situation, but they will call police if they have that kind of situation. They have never been appointed as witnesses so far.

The finding shows that it is easy to call police if the crime occurred. They also have police station number and the police took action immediately if received call. Yet, time between 5 to 10 minutes is taken by police to arrive. The most reason police are late to arrive is because of lack of staff.

#### **Suggestion**

Based on the findings of the research, some suggestions have been summarized as follows:

- a) Volunteer Patrolling Scheme should increase their members so that patrolling always can be more frequent. As a result, the criminal could not find 'room' to do crimes.
- b) The timetable of patrolling should keep secretly to avoid being seen by the people.
- c) Women/housewives can be appointed as a 'spy' at a housing area during a day time.

d) Besides that, authority should make publicity to public about Volunteer Patrolling Scheme's institution, its objectives as well as its operation and others. The finding shows that 70% from 100 of the youth interviewed did not know the Volunteer Patrolling Scheme's objectives. So, Volunteer Patrolling Scheme's open day and its exhibition at the residential area should be organized to attract more people especially youth to join this scheme. Publicity should be made through mass media by JPNIN officer also.

## **2. Participation/Involvement Of Woman, Youth And Different Ethnic In Volunteer Patrolling Scheme**

The research outcome also showed that, most VPS members are consists of Malay and Muslim. Majority of their age is between 41 to 45 years old. Most of the VPS are consists of more man than woman. The participation of youth is very low.

Majority of the VPS member come from Johore because the state is one of the samples in this research. Furthermore, most respondents work in the private sector. Majority of the VPS members have SPM qualification. A few of VPS members also have diploma/degree level of education.

The finding shows that women could involve in VPS by preparing food to the members. The respondent also agreed that women could be VPS members to patrol during day time. About 846 (84.6%) of the respondents said that woman is not suitable to patrol during at night.

### **Suggestion**

Based on the data analysis, suggestion can be recommended as follows:

- a) Campaign to encourage woman to join VPS must be done widely. Most women want to be VPS members if their husbands give permission. Wife and husband can patrol together. But, women need to get martial art training before they do patrol.
- b) National level of campaign to youth must be carried out. The findings of interview show that, most of the youth do not know about VPS. They were not invited to participate VPS. Instead, they are willing to participate if they are given the opportunity.

### 3. Rule And Functions Of VPS

The research result shows that most of the respondents become VPS's member since 12 months ago. Their participation is through RT committees. After application of VPS's membership, they receive ID card. About 750 (75.0%) of the respondents said that they patrol after getting the card.

Most of the respondents said they know about VPS through RT committee at their area. As a result, they interested to be members voluntarily after they are given briefing from RT chairman on VPS function.

Besides that, most of the respondents understand the objective of the VPS which is to protect the public security and unity. Majority also said the VPS successfully could prevent crime and social problems after it was established. It showed that VPS has important role to take care of public security as well as to prevent social problems at the housing area.

The research finding also found that the respondents never undergone VPS courses/training since they become VPS members. Yet, only 418 (41.8%) said that they just follow *pengendalian* courses than other courses.

In terms of equipment, only rattan and torch light were provided by JPNIN to respondent but they said other equipments were not enough and they suggested equipment like walkie-talkie should be increased.

Majority of the 890 (89.0%) of the respondents said that they were given life insurance. Most of them work in the public and private sectors were not given time off the next day after patrolling at night. The respondents noted that one of the factors not many people join VPS is no interesting incentives.

#### **Suggestion**

Based on the result of the research, the suggestions are follows:

- a) The research shown that more than 90% of the respondents did not follow courses that are organized by JPNIN. So, it is suggested that courses should be given to the members all over country instead *pengendalian* courses only.
- b) The research outcome showed that more than 20% of the VPS members got

time - off the next day after patrolling. Thus, one of the way to attract public to join VPS is to introduce time- off to the private employers.

- c) Respondents also suggested more equipment to be given such as follows:
  - i) Walkie-talkie
  - ii) First aid
  - iii) Cabin
  - iv) Rain coat
- d) Approving VPS application process more faster.
- e) Extending time shift from 10 pm to 2 am instead of 12 am.
- f) JPNIN and RT chairmen need to give briefing about VPS objective to the new members. This is important to achieve VPS objective and enjoy harmony situation at their housing area.
- g) RM5000 per year must be allocated to VPS only and it is not included in the RT allocation. This is important for patrolling incentive such as expenses for food such as biscuit, bread, coffee and other expenses as well as for management and administration of VPS.

## **CONCLUSION**

As a conclusion, the establishment of the VPS at the low cost housing area is very suitable and needed. The research findings showed that with the establishment of VPS, the crime problems have been reduced. It is proven that VPS successful to curb crime in the city. VPS system more effectively other than security company that practiced at the medium and high class housing area. This is because VPS more 'honest' as they took care of their own houses and their neighbours. Finding of the interview on several residents at the flats in Johore and Selangor showed that crime and social problem are reduced when VPS was established. Below, are some general suggestions need to be considered:

- a) VPS should be set up in all over the country, so that more community can join or participate VPS. The VPS is an eye and ear toward harmony situation of people and at the same time VPS has successfully achieved its establishment objective to protect public security.
- b) It is also suggested that patrolling competition at the district and state level must be introduced. Its objective is to encourage VPS members to serve excellently. The competition must be organized at the state level as well as at the national level.
- c) Each VPS at the district level needs to submit a monthly report of total of patrolling

conducted to JPNIN at the state level. This is indirectly, to trace a VPS group who did not or seldom do the patrolling such as once per week can be traced easily so that JPNIN can advise so that always do the patrolling. The research revealed that RT committee always do patrol every night even though they have less member. This commitment must be given compliment.

- d) The group who served excellent, honest and dedicated must be given prize and regonition.
- e) Time of the courses/training such as *pengendalian, risikan, perbarisan* must be extended.
- f) The equipments that provided must be increased as suggested. The cabin must be also provided in order to make operation room.
- g) VPS and RT can organize activities or programs to promote integration.
- h) The JPNIN officers are encouraged to work together in organizing any programs. As a result, it shows solid commitment from the management.
- i) The VPS radio must be widely used all over the state. This radio system more effective to reduce crime.
- j) The VPS members are advised to go for martial art courses.
- k) The name of VPS should be changed to *Pasukan Keselamatan Komuniti*.
- l) The patrolling allowance should be given in the coupon type. The coupon must be in point card. This system always practiced in developed country. It can be changed at the hypermarket or any organizations that have MOU with JPNIN. It can be changed with food and other materials.
- m) There is a concept of broken windows where the residents let their houses empty, door is broken and unlock when they go for holiday. In Malaysia, there is also broken window concept where the residents leave for the long holiday, go to umrah and others without telling their neighbours. This is given a chance to criminal to break down their houses. If every resident before leaving reported to VPS, then they will help to reduce the problems of house-breaking.